

## SOALAN-SOALAN LISAN

### PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT KETIGA TAHUN PERTAMA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI RABU, 24 MEI 2023

---

1. **YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Perlombongan Lantanid di Gerik

- a) Apakah perkembangan terbaru projek perlombongan Lantanid di Gerik?
- b) Apakah projek perlombongan ini terhad untuk perlombongan nadir bumi lantanid atau termasuk aktiviti downstream?
- c) Adakah satu jawatankuasa yang melibatkan ahli-ahli EXCO, ahli-ahli dewan negeri dan para pemegang taruh akan dibentuk atas dasar integriti dan transparansi?

2. **YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

Skim Perumahan Perakku Batu 14, Lekir telah ditangguhkan penyerahannya kepada pemohon yang layak walaupun telah siap dibina lebih 3 tahun yang lalu.

1. Apakah sebab-sebab yang membawa kepada penangguhan ini?
2. Nyatakan tindakan penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan penyerahan rumah-rumah tersebut

3. **YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN ( BEHRANG )**

Berapakah jumlah permohonan yang diterima berkenaan lampu jalan di Daerah Muallim, sehingga kini berapa jumlah peruntukkan telah diluluskan dan bilakah penyelenggaraan dan menaik taraf lampu dapat diselesaikan memandangkan kemalangan jalan raya yang kian meningkat di Kawasan berisiko tinggi terutama waktu malam?

4. **YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

WABAK DEMAM DENGGI.

A) ISU WABAK DEMAM DENGGI MERUPAKAN ISU YANG DIPANDANG SERIUS OLEH RAKYAT JELATA. APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK MENANGANI ISU KESIHATAN INI?

B) SILA NYATAKAN BILANGAN KES DEMAM DENGGI YANG TELAH DISAHKAN DI DALAM KAMPUNG BARU MENGLEMBU, KAMPUNG BARU BUKIT MERAH SERTA KAMPUNG BARU LAHAT BAGI TAHUN 2022 SEHINGGA KINI?

**5. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH ( MALIM NAWAR )**

**PERINDUSTRIAN KECIL DAN SEDERHANA DI DUN MALIM NAWAR**

- a) Senaraikan tapak atau cadangan tapak perindustrian kecil dan sederhana di Dun Malim Nawar dan Parlimen Kampar.
- b) Menyatakan anggaran keuntungan dan kerugian daripada perniagaan perindustrian kecil dan sederhana bagi tahun 2018 hingga 2022.
- c) Menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengembangkan sektor perindustrian kecil dan sederhana di Dun Malim Nawar.

**6. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD ( MANONG )**

Sektor perikanan darat turut memberi sumbangan yang besar kepada industri perikanan negara. Nelayan darat di sungai Perak khususnya kawasan Manong menghadapi masalah hasil tangkapan yang semakin berkurangan. Antara faktornya adalah populasi ikan semakin berkurangan, ekosistem akuatik terganggu, pencemaran sungai, sungai cetek dan kewujudan spesies ikan asing. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut?

- i. Berapakah jumlah benih ikan yang dilepaskan dalam setahun di sepanjang sungai Perak mengikut daerah?
- ii. Berapakah nelayan darat yang berdaftar di kawasan Manong dan daripada jumlah tersebut berapakah nelayan darat yang masih aktif?

**7. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN ( BUNTONG )**

- i. Apakah perancangan terperinci kerajaan Negeri Perak untuk meningkatkan dan mempelbagaikan jumlah pelaburan asing ke negeri Perak untuk jangka masa lima tahun akan datang ?
- ii. Berapakah peruntukan yang telah berjaya digunakan setakat ini demi usaha membawa dan mempelbagaikan pelaburan asing ke negeri Perak Darul Ridzuan ?

**8. YB DR HASHIM BIN BUJANG ( BUKIT CHANDAN )**

Perkhidmatan komuter sangat la popular bagi rakyat untuk berulang alik ketempat kerja. Soalan saya kenapakah perkhidmatan komuter KTM dari Perlis sehingga ke Padang Rengas sahaja. kenapa tidak diteruskan sampai ke Ipoh? mereka yang berulang alik bekerja dari Kuala kangsar dan Sungai siput ke Ipoh sangat sangat memerlukan perkhidmatan komuter sebagai pengangkutan utama untuk berulang alik dari tempat kerja.

**9. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

Permohonan penggunaan tanah milik kerajaan dan rizab Sungai bagi aktiviti-aktiviti pertanian, penternakkan dan keusahawanan.

a) Apa syarat-syarat yang perlu bagi tujuan kegunaan tanah milik kerajaan dan kawasan lapang rizab sungai?

b) Apa tindakan yang akan diambil terhadap penceroboh tanah milik kerajaan dan rizab sungai dan apakah kekangan yang meyekat penguatkuasa untuk melakukan pemantauan dan penguatkuasaan untuk kawasan tanah kerajaan dan rizab sungai?

c) Adakah usaha kerajaan negeri bagi membantu rakyat dalam menambahbaik serta memudah cara prosedur permohonan penggunaan tanah milik kerajaan dan rizab Sungai bagi aktiviti-aktiviti penempatan, pertanian, penternakkan dan keusahawanan bagi membantu dan meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Perak?

**10. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG )**

Di kawasan Dewan Negeri Trong hampir setiap bulan berlaku kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan dengan haiwan rayau seperti lembu dan kerbau. Namun pemilik haiwan rayau gagal dikesan oleh pihak berkuasa bagi dikenakan sebarang tindakan undang-undang atau dituntut pampasan kerosakan akibat kemalangan. Apakah tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini ?

**11. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Soal keadaan bekerja di tempat bekerja dalam negeri Perak

- i. Ramai pekerja seperti di pasaraya, kompleks beli belah atau kedai-kedai, dimana pekerja kena bekerja dalam keadaan berdiri, untuk sepanjang waktu bekerja dan tiada kerusi disediakan, mengakibatkan golongan ini ada kesan sampingan sakit tulang belakang dan kaki. Adakah kerajaan negeri mengambil langkah-langkah inisiatif bagi selesaikan masalah ini?
- ii. Bagaimana pihak kerajaan untuk membantu pihak pekerja, yang ditindas oleh majikan untuk bekerja lebih masa dan tiada cuti?
- iii. Apakah tindakan akan dikenakan atas pihak majikan yang tidak menyediakan suasana bekerja yang selamat, kotor dan ada masalah pencemaran?

**12. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

Masaalah sampah di keseluruhan Negeri Perak.

- a) Apakah cadangan dan tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah sampah yang tidak berkesudahan sejak dari dulu dan dilihat semakin meruncing dan membimbangkan sejak kebelakangan ini?
- b) Adakah kerajaan Negeri ada berbincang bersama kerajaan Persekutuan bagi menangani masaalah sampah Negeri Perak ini dan jika ada apakah jalan atau cadangan yang dicadangkan atau hasih perbincangan bersama Kerajaan Persekutuan?

- c) Apakah rancangan atau cadangan jangka masa pendek dan panjang yang bakal diambil atau sedang dijalankan bagi menyelesaikan isu sampah ini buat masa ini?

**13. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN ( SUNGAI MANIK )**

Persatuan Pembangunan Pelancongan dan Rekreasi Sungai Manik, Teluk Intan, Perak di tubuhkan untuk melihat potensi DUN Sungai Manik sebagai salah satu lokasi pelancongan yang menarik di Daerah Hilir Perak. Apakah peranan dan bantuan yang dapat diberikan oleh pihak kerajaan bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan kawasan DUN Sungai Manik sebagai salah satu lokasi menarik untuk di lawati.

**14. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Perluasan model tahfiz ulul albab

a)Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memperluas model Tahfiz Ulul Albab di sekolah - sekolah tahfiz dan pondok yang berada di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak bagi membolehkan para pelajar tidak ketinggalan dalam bidang akademik selain bidang agama?

b)Selain skop akademik, apakah solusi kerajaan negeri Perak bagi memastikan tahap infrastruktur asas di sekolah - sekolah pondok terutamanya Pondok Pakteh di pengkalan Hulu juga tidak ketinggalan seperti tandas, jalan dan pendawaian elektrik yang mencukupi?

**15. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Adakah perubahan iklim mempengaruhi persekitaran Kawasan tadahan air di negara kita? Sila senaraikan perubahan jumlah air dan kesan alam sekitar di setiap Kawasan tadahan air di Negeri Perak dari tahun 2010 hingga 2022.

**16. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

Maklumat daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) menyatakan bahawa Skim Perumahan Perakku Batu 10, Lekir telah dihentikan kerana pemaju menarik diri.

a. Apakah sebab-sebab pemaju menarik diri setelah pembinaan melewati 30%.

b. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh LPHP untuk mengelak kerugian yang ditanggung memandangkan tanah telah digunakan dan pembangunan fizikal telah melepasi 30%?

**17. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Industri kecil dan sederhana

a)Apakah komitmen kerajaan negeri untuk memajukan bidang industri kecil dan sederhana khususnya di kawasan Pengkalan Hulu memandangkan masih banyak usahawan dari industri ini tidak mampu bersaing dan mengkomersialkan produk mereka?

b)Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri Perak bagi memastikan inisiatif Geran Usahawan Perak (GeRAK) menepati sasaran dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran bagi mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja?

**18. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH ( MALIM NAWAR )**

HAIWAN KELIARAN IAITU LEMBU, KERBAU, KAMBING

(a) Selain daripada memberikan kompaun, apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah haiwan keliaran pada waktu malam khususnya serta senaraikan bilangan kompaun yang telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kampar terhadap pemilik haiwan keliaran iaitu lembu, kerbau dan kambing bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

(b) Senaraikan kawasan padang ragut besertakan keluasan kawasan mengikut permukaan geografi yang di bawah seliaan kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan di kawasan Parlimen Batu Gajah dan Kampar dengan menyatakan secara terperinci maklumat peserta yang aktif dan tidak aktif, kuantiti binatang ternakan serta keluasan tanah yang diberikan kelulusan kepada setiap peserta.

(c) Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan kelulusan kepada pengusaha-pengusaha haram ternakan lembu atau kerbau serta nyatakan berapakah jumlah kos kerugian yang dihadapi oleh kerajaan negeri terhadap pengusaha-pengusaha haram ternakan lembu atau kerbau ini?

**19. YB PUAN KOO HAAI YEN ( KERANJI )**

Projek pelombongan Nadir Bumi di Hulu Perak

(a) Sila nyatakan perkembangan terbaru samaada pelombongan nadir bumi telahpun bermula di Hulu Perak.

(b) Adakah kerajaan perak berhasrat untuk memproses nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di mana pemprosesan NR-REE akan menghasilkan unsur radioaktif?

(c) Apakah pelan kerajaan negeri untuk menguruskan bahan radioaktif yang dikeluarkan dalam proses pemprosesan NR-REE?

**20. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Lampu jalan utama masih lagi tiada bagi jalan-jalan kampung di Kampung Gajah, adakah bilangan lampu jalan bagi kampung-kampung ini terhad dengan kuota yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi sebuah kampung? Dan adakah kuota tersebut mengikut bilangan jalan atau bilangan rumah, atau bagaimana?

**21. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN ( SELAMA )**

JARINGAN INTERNET

Berkenaan isu jaringan internet kawasan luar bandar di Negeri Perak menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) terutamanya di Daerah Selama:

1. Apakah kemaskini JENDELA berkenaan pembinaan pencawang internet baharu dan projek naik taraf pencawang sedia ada di Daerah Selama?
2. Pada tahun 2021, seorang pelajar dari Kampung Baru Batu 3, Selama terlibat dalam kemalangan semasa perjalanan dari rumah ke pekan bagi mendapatkan jaringan internet untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP).
3. Apa status tindakan naik taraf jaringan internet di Kampung Batu 3 yang telah dijanjikan?

**22. YB ENCIK MUHAMMAD HAKIMI HAMZI BIN MOHD HAYAT ( TITI SERONG )**

Apakah perancangan kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di pekan titi serong?

**23. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL )**

GLC kerajaan negeri Perak.

- a. Berapakah jumlah GLC yang masih berfungsi di negeri Perak?
- b. Berapakah GLC yg telah ditutup dan berapa jumlah kerugian terkumpul GLC yg ditutup serta apakah diantara punca sebab utama GLC tersebut ditutup?
- c. Apakah pendirian kerajaan terhadap usaha menyemak semula GLC dan pelaburan kerajaan negeri atau anak syarikat/ swasta yang tidak efektif seperti MAPS

**24. YB CIK WONG CHAI YI ( SIMPANG PULAI )**

Proses pemutihan pengubahsuaian bangunan dan binaan tambahan bagi premis kediaman tanpa kelulusan PBT yang perlu dijalankan dengan efektif tanpa membebankan rakyat.

- (a) Senaraikan PBT yang telah melaksanakan proses pemutihan pengubahsuaian bangunan dan binaan tambahan bagi premis kediaman
- (b) Apakah garis panduan pelaksanaan untuk setiap PBT yang disenaraikan.
- (b) Adakah fi tahunan wajar dikenakan kepada penduduk yang telah membayar cukai taksiran di mana nilai tahunan telah dinaikkan atas sebab pengubahsuaian premis tersebut?

**25. YB ENCIK AZMAN BIN NOH ( PENGKALAN BAHARU )**

Kerosakan Jalanraya Persekutuan dari Ayer Tawar ke Beruas, Beruas ke Taiping telah sekian lama menjadi rungutan dan keluhan rakyat, adakah peruntukan untuk mengatasi masalah ini dan sampai bilakah keadaan ini akan berakhir ?

**26. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN ( CHENDEROH )**

Klinik Kesihatan Sauk, Kuala Kangsar yang berada dalam Kawasan DUN Chenderoh telah melapor peningkatan kadar kedatangan pesakit luar dari tahun ke tahun dengan anggaran kadar peningkatan 3% setahun. Pada waktu ini, keadaan Klinik Kesihatan Sauk ini berada dalam keadaan yang begitu daif bagi menampung jumlah pesakit yang kian meningkat seperti yang dinyatakan.

i. Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak telah menerima serta mengkaji cadangan baik pulih dan naik taraf yang telah dikemukakan oleh Jurutera Daerah Kuala Kangsar kepada Pejabat Kesihatan Daerah?

ii. Bilakah pihak Kerajaan Negeri Perak bercadang untuk melaksanakan cadangan tersebut?

iii. Jika cadangan tersebut belum mempunyai kelulusan pelaksanaan dan peruntukan dari kementerian berkaitan, adakah dan bilakah pihak Kerajaan Negeri Perak akan mengangkat dan menyokong cadangan tersebut untuk dibawa ke kementerian berkenaan?

**27. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA (JMB).

A) BERPAKAH BILANGAN PERUMAHAN PANGSA DAN BERTINGKAT YANG BERMASALAH UNTUK MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DI DALAM DAERAH KINTA?

B) APAKAH PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI MENYELESAIKAN PERMASALAHAN TERSEBUT?

C) BERPAKAH PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI BAGI MEMBANTU KAWASAN PERUMAHAN YANG MANA JAWATANKUASA MEREKA TIDAK DAPAT BERFUNGSI DENGAN EFISIEN?

**28. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar untuk menerangkan:

i. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di negeri Perak yang sedang menghadapi cabaran besar pasca COVID-19?

ii. Apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri dalam menggalakkan golongan usahawan muda untuk terlibat dalam bisnes 'start up'?

iii. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membantu usahawan dalam mewujudkan syarikat 'Unicorn' di negeri Perak?

**29. YB PUAN KOO HAAI YEN ( KERANJI )**

Kos Penyelenggaraan Kereta Rasmi Kerajaan Negeri Perak

- (a) Sila nyatakan secara terperinci kesemua kereta rasmi Kerajaan Negeri Perak dari segi model, tahun pembelian dan kos penyelenggaraan dari tahun 2020 ke 2022.
- (b) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk membeli kereta rasmi baru untuk mengganti kereta rasmi sedia ada yang dibeli kurang daripada 5 tahun lalu?